

JENAYAH DAN KEPANIKAN MORAL: KAJIAN KES PEMBERITAAN ROGOL-BUNUH DALAM AKHBAR TERPILIH DI MALAYSIA

(Crime and Moral Panic: Rape-Murder Case Studies On Selected Newspapers In Malaysia)

Lim Lai Hoon

ABSTRAK

Pengalaman dan pemahaman kita tentang masyarakat dan masalah sosial banyak diperoleh daripada berita yang dipaparkan dalam media massa, terutamanya berita tentang jenayah. Ini kerana kebanyakan orang mempunyai pengetahuan yang terhad tentang jenayah. Kajian ini bertujuan untuk menyelidik bagaimana akhbar berlainan bahasa di Malaysia membina makna “jenayah” dan seterusnya mengkaji implikasi jenis pemberitaan ini terhadap masyarakat dari segi kebangkitan panik moral. Dua kes rogol-bunuh yang paling tinggi pelaporannya di Malaysia dua dekad kebelakangan ini, iaitu kes Canny Ong Lay Kian dan Noritta Samsudin, telah diambil sebagai kajian kes. Kaedah kualitatif dilengkapi dengan kaedah kuantitatif, iaitu analisa wacana kritikal dan analisa kandungan telah digunakan dalam kajian ini. Kajian ini menyimpulkan bahawa memang wujudnya kesensasian berita jenayah pada tahap yang berlainan dalam akhbar pelbagai bahasa di Malaysia. Pemahaman ahli masyarakat tentang jenayah membawa implikasi yang besar dan berpanjangan dari segi order sosial, penggubalan undang-undang dan kod moral. Kesensasian tersebut telah membangkitkan kepanikan moral dalam kalangan ahli masyarakat di Malaysia. Orang awam memberikan reaksi yang berlebihan ke atas kes rogol-bunuh yang berlaku. Desakan telah diberikan kepada pihak pemerintah untuk menggubal atau memperketat undang-undang yang sedia ada. Dengan adanya mandat yang diberikan oleh masyarakat secara sukarela, status quo pihak pemerintah dikekalkan, malah diperkukuhkan.

Kata Kunci: Sensasi, kepanikan moral, representasi media, jenayah, rogol-bunuh

ABSTRACT

Our experience and understanding of society and current social problems are mostly obtained from the news which appears in the mass media, particularly on crime news. This is because most people have limited knowledge about crime. This study aimed to examine how newspapers of different languages in Malaysia built the meaning of “crime” through sensational news, and it further studied the implications of sensational news in giving rise to the moral panics among the members of the Malaysian society. Two of the most reported rape-murder cases in Malaysia in recent decades, namely Canny Ong Lay Kian and Noritta Samsudin, were taken up as case studies. Qualitative methods complemented by a quantitative method were used in this study, which were critical discourse analysis and content analysis. This study concluded that there is sensationalism in the crime reporting of different languages of newspapers in Malaysia in different degrees.

Public's understanding about crimes brings huge and long-term implications to social order, drafting of laws and moral codes. This sensational reporting has raised the moral panic among members of the society in Malaysia. Public over-reacted to the rape-murder cases. Members of the society became worried that the tragedy might occur. The government faced great pressure to enact or strengthen the existing laws. With the mandate given by the voluntary civil society, the status quo is maintained and is even strengthened.

Keywords: Sensationalism, moral panic, media representation, crime, rape-murder

PENGENALAN

Dalam kehidupan, pemahaman kita tentang masyarakat dan masalah sosial diperoleh melalui media massa. Ini termasuk jenayah. Media massa memainkan peranan yang penting dalam pelaporan jenayah kerana ia memberi takrifan dan pemahaman tentang jenayah kepada masyarakat. Pengalaman kita diwarnai oleh media yang akhirnya mungkin mendatangkan kesan tertentu kepada kita (Barak, 1994; Livingstone, 1996). Pemberitaan jenayah membawa implikasi tertentu kepada masyarakat secara keseluruhan, baik dari segi penggubalan undang-undang mahupun dari segi kod moral (Goode & Ben-Yehuda, 1994). Cara pelaporan dan cara penyampaian media massa ke atas kejadian jenayah bukan sahaja membangkitkan perasaan takut dan bimbang dalam kalangan pembaca, tetapi juga mengukuhkan stereotaip yang sedia ada ke atas golongan wanita dalam masyarakat yang mempunyai elemen patriarki ini. Fenomena ini telah meninggalkan impak yang besar kepada masyarakat terutamanya dengan penyertaan ahli politik dan “penjaga moral” (*moral guardian*) seperti hakim, polis dan ulama. Dalam pemberitaan jenayah, faktor sensasi dan komersialisasi mengiringi media arus perdana. Unsur sensasi yang boleh menjamin penjualan laris akhbar sering digunakan untuk membesar-besarkan, memutarbelit dan ada kalanya mendramatikan berita jenayah supaya menjadi lebih menarik. Representasi jenayah secara sensasi ini seterusnya memperluas dan memperdalamkan keresahan ahli masyarakat tentang jenayah (Becker, 1963; Cohen, 1972).

Berita rogol-bunuh seringkali menjadi berita muka hadapan dengan gambar berwarna dan tajuk berita besar yang merangsang emosi pembaca. Berita rogol-bunuh menduduki tempat tertinggi dalam senarai berita sensasi kerana wujudnya dua elemen penting, iaitu seks dan bunuh (Katz, 1987). Ini membayangkan kepentingan berita rogol-bunuh yang sering dijadikan “berita hangat” dalam media tempatan. Nilai komersial dalam pelaporan media yang berbau sensasi boleh meningkatkan kadar pengedaran akhbar. Tambahan pula, stereotaip terhadap golongan wanita diperkuatkan lagi oleh media massa menerusi pelaporan berita tersebut. Masyarakat menjadi resah dan takut selepas membaca pelaporan media tentang jenayah. Mereka menulis surat kepada pengarang, meminta berbagai-bagai langkah pencegahan diambil dan mencadangkan berjenis-jenis cara penyelesaian kepada pelbagai pihak dalam masyarakat. Ketakutan yang keterlaluan seterusnya menyebabkan rakyat memberi restu dan mandat kepada pihak pemerintah untuk menyelesaikan masalah ini yang seterusnya membolehkan pihak pemerintah mengenakan kawalan yang lebih ketat ke atas masyarakat (Marsh, 1991).

Implikasi pelaporan jenayah dalam media massa telah luas dibincangkan oleh beberapa orang ahli akademik dari Britain dan Amerika Syarikat sejak tahun 1970-an (Cohen, 1972; Hall,

et al, 1978; Goode & Ben-Yehuda, 1994), namun konteks perbincangan ahli akademik tersebut adalah berdasarkan konteks budaya kecil negara barat yang berkait rapat dengan penggunaan dadah, rompak dan budaya pemuda pada masa itu. Di Malaysia, pelaporan media ke atas kejadian rogol-bunuh yang merupakan jenayah yang serius mencetuskan pertanyaan sama ada pelaporan media meninggalkan implikasi yang sama dari segi politik dan ekonomi. Justeru, kajian ini penting untuk menyumbang ilmu ke atas pemahaman bagaimana akhbar berlainan bahasa di Malaysia membina makna “jenayah” dan “kepanikan moral” secara aktif melalui pemberitaan sensasi. Idea “penjahat kampung” merujuk kepada perogol yang merupakan penjahat yang telah melakukan jenayah yang serius tetapi bukan sekadar golongan devian yang biasa. Namun, tindak balas orang ramai yang tidak setimpal dengan tindakan devian adalah ciri utama kepanikan moral. Media massa memainkan peranan yang penting membangkitkan tindak balas yang tidak setimpal itu. Berdasarkan perbincangan di atas, tiga persoalan kajian telah dikemukakan untuk memandu kajian ini:

1. Bagaimanakah akhbar berlainan bahasa di Malaysia melaporkan jenayah rogol-bunuh?
2. Adakah wujudnya elemen sensasi dalam pemberitaan jenayah rogol-bunuh? Sekiranya ada, sejauh manakah elemen sensasi timbul?
3. Sejauh manakah pemberitaan jenayah rogol-bunuh membangkitkan kepanikan moral berikutan laporan dalam akhbar terbabit?

SOROTAN LITERATUR

Representasi Media ke atas Jenayah

Representasi media ke atas jenayah, devian dan order masyarakat telah lama mendapat perhatian para pengkaji. Secara umumnya, penemuan mereka terbahagi kepada dua: (1) media massa adalah subversif, iaitu media dilihat sebagai salah satu bentuk kawalan sosial. Kajian-kajian lepas menunjukkan media massa mempengaruhi kepercayaan, sikap dan tingkah laku seseorang. (2) Media juga dipercayai membentuk pendapat umum dalam isu-isu seperti undian dan pindaan undangan baru (Bryant & Zillmann, 1994). Ada kajian yang menunjukkan media mempengaruhi persepsi sosial tentang realiti. Melalui proses penentuan agenda, berita dipilih dan ditempatkan, kemudian “dirangka” dalam bentuk-bentuk tertentu. Oleh sebab itu, pemberitaan dikatakan membentuk dan mempengaruhi pemahaman pembaca tentang sesuatu fenomena masyarakat (Fishman & Marvin, 2003).

Kebanyakan orang mempunyai pengetahuan yang terhad tentang jenayah. Justeru, media massa merupakan sumber utama untuk mendapatkan maklumat yang boleh membentuk pemahaman, sikap, kepercayaan dan tingkah laku (Barak, 1994; Livingstone, 1996). Menurut Stephen Seplow (1994), pendedahan kepada berita jenayah ini mengurangkan keupayaan orang ramai untuk mendapat pengetahuan yang objektif tentang jenayah. Garofalo (1981) pula mendakwa berita jenayah dalam akhbar sekadar menceritakan peristiwa jenayah yang berlaku tanpa memberi latar belakang jenayah tersebut. Sebab utama berlakunya masalah sosial tidak dibincangkan. Akhbar juga tidak meletakkan masalah sosial dalam konteks yang lebih luas. Justeru, impak yang paling besar daripada pemberitaan jenayah adalah “merangsang ketakutan”

dalam kalangan ahli masyarakat dan menyebabkan orang awam risau tentang keselamatan individu dan orang kesayangan mereka. Ini seterusnya membawa kebimbangan yang meluas dalam kalangan komuniti (Wiltenburg, 2004; Chibnall, 1977).

Kesannya, ahli masyarakat memberi komen, menilai dan menyarankan pelbagai tindakan yang harus diambil oleh pelbagai pihak sebelum jenayah berlarutan. Orang awam menyalurkan pandangan mereka melalui komentar, surat kepada pengarang dan artikel dalam akhbar. Pelbagai cadangan juga diberikan. Ada yang mencadangkan kepentingan moral, ada yang menyarankan pendidikan agama, ada yang menyalahkan ibu bapa, ada yang menyalahkan pembangunan yang terlalu pesat, ada yang menyalahkan tempat-tempat awam tidak selamat, ada yang menyalahkan pakaian mangsa terlalu seksi dan tidak kurang juga yang menyarankan undang-undang yang lebih ketat supaya order sosial dimajukan. Order masyarakat dikatakan terancam dan terkeluar daripada norma masyarakat. Ahli masyarakat begitu bimbang dan bergantung pada pihak pemerintah untuk membanteras jenayah. Justeru kuasa yang lebih besar telah diberikan kepada golongan pemerintah untuk memperbetulkan keadaan tersebut. Apabila pihak pemerintah campur tangan dengan mengambil beberapa tindakan dan langkah tertentu untuk mencegah jenayah, masalah itu dipercayai telah selesai. Pihak pemerintah pula dikatakan telah menjalankan tanggungjawab mereka dengan sempurna. Isu ini tidak lagi dibincangkan oleh media massa sehingga kes seterusnya berlaku (Cricher, 2003, m.s. 9-14). Daripada 56 kajian analisis kandungan yang dijalankan dari tahun 1960 hingga tahun 1988, Marsh (1991) menyimpulkan bahawa representasi media secara berlebihan (*over-representation*) adalah amat bermanfaat kepada pihak pemerintah. Ini kerana pihak pemerintah dianggap amat berjaya menyelesaikan masalah jenayah.

Representasi Wanita dalam Media

Media massa membentuk pemahaman kita mengenai gender. Pergerakan feminis yang berlaku pada dekad yang lalu telah mengubah falsafah sosial tentang peranan wanita, khasnya wanita dalam masyarakat Barat. Namun begitu, representasi wanita dalam media yang didominasi oleh golongan lelaki tetap tidak berubah (van Zoonen, 1996, m.s. 36-37). Golongan wanita lebih dilihat sebagai sebahagian daripada konteks keluarga yang memainkan peranan yang jauh lebih pasif berbanding dengan golongan lelaki. Stereotaip adalah ketara dalam media massa. Representasi tersebut banyak berkait dengan “kecantikan”, “bentuk badan”, “gaya hidup”, “cara pemakaian”, “seksualiti”, “emosi”, “hubungan sulit” dan “objek seks” (Thornham, 2007). Mangsa seks yang cantik, muda dan mempunyai status sosial yang lebih tinggi menjadi “jurucakap” kepada mangsa yang lain, seolah-olah hanya pembunuhan yang melibatkan mereka yang cantik dan muda harus mendapat simpati daripada ahli masyarakat (Hall, 1986, m.s. 9).

Gaye Tuchman (1981) mendakwa bahawa media massa di Amerika Syarikat sama ada melenyapkan suara golongan wanita ataupun menggalakkan stereotaip ke atas mereka. John Stuart Mill (dalam Wang, 2005, m.s. 58) mendakwa bahawa golongan wanita tidak pernah bebas daripada “penaklukan” golongan lelaki sejak abad ke-19. Mereka terpaksa tunduk pada kuasa lelaki dan selalu tertindas di bawah pengaruh golongan lelaki. Friedan (1997) mendakwa golongan wanita pada abad ke-20 berusaha untuk menjadi isteri yang sempurna, ibu yang sempurna dan cuba mencapai pengharapan masyarakat yang mementingkan kebendaan. Media massa pada abad ke-20 menggambarkan wanita yang mengimbangi kerjaya dan rumahtangga sebagai wanita yang “bahagia”. Mereka dikatakan telah mencapai status yang sama dengan golongan lelaki. Justeru

mereka harus bersyukur ke atas apa-apa yang dimilikinya (Wang, 2005, m.s. 58; Azwan, 2004; van Zoonen, 1996, m.s. 38-39).

Dalam konteks Malaysia, banyak kajian tentang representasi wanita di Malaysia (Mustafa & Wang, 1996; Azwan & Juliana, 2005; Azwan, 2004) menunjukkan media massa hanya menggambarkan imej wanita sebagaimana yang diterima dan ditakrifkan oleh masyarakat. Stereotaip masyarakat terhadap golongan wanita diperkukuhkan dalam program televisyen tempatan. Mereka selalunya digambarkan sebagai golongan yang lemah, dan terpaksa bergantung pada golongan lelaki. Kadang-kala, watak wanita dalam program media adalah hampir tidak kelihatan ataupun terpaksa patuh pada dominasi golongan lelaki, khasnya dalam hubungan suami-isteri. Kajian Mustafa dan Shakila (1994, m.s 81) yang melihat pada siapa golongan wanita yang “berjaya” dalam hidupnya sepertimana dipaparkan dalam majalah wanita tempatan di Malaysia menunjukkan penemuan yang hampir sama. Golongan wanita yang dikatakan “berjaya” dalam hidupnya mendapat perhatian media massa kerana kecantikan dan juga berkahwin dengan seorang peniaga yang “berjaya”. Faktor sosio-ekonomi dan faktor struktural dalam konteks masyarakat yang lebih besar langsung tidak dibincang (Mustafa & Shakila, 1994, m.s. 85).

Pemberitaan Sensasi

Pemberitaan sensasi merujuk kepada berita “jenayah, bencana, skandal seks” yang dapat “merangsang tindak balas emosi kurang sihat dalam kalangan pembaca” (Mott, 1962, m.s. 539). Tindak balas emosi merupakan kandungan utama dalam pelaporan berita jenayah. Impak emosi, bersama dengan upacara dan wacana jenayah, selalunya dikomersialisasikan dalam sistem kapitalis yang sedia ada. Kualiti emosi dalam pelaporan jenayah sensasi termasuk unsur-unsur berikut: ketakutan, belas kasihan, keganjilan (*unheard-of*), kesedihan, kecemasan, keinsafan dan dahsyat. Kesedihan (*pathos*) selalu bergabung dengan emosi yang dibangkitkan oleh peristiwa tragedi, terutamanya penderitaan dan belas kasihan. Justeru, sensasi juga didefinisikan sebagai “*the purveyance of emotionally charged content, mainly focused on violent crime, to a broad content*” (Wiltenburg, 2004, m.s. 1378).

Bahasa memainkan peranan penting untuk membangkitkan emosi seperti keinsafan, ketakutan, keganjilan, belas kasihan, kepiluan, kecemasan dan kesedihan. Pembaca dapat merasai implikasi jenayah melalui bahasa yang berunsur emosi dan kadang-kala melalui suspens yang dibina. Gambaran terperinci, grafik berwarna, gambar ganas berdarah, tajuk besar berita dengan bahasa merangsang emosi, penyusunan dan penempatan berita membentuk sebahagian daripada pemberitaan sensasi (Wiltenburg, 2004, m.s. 1382). Tindak balas emosi itu merupakan kandungan utama dalam pelaporan berita jenayah. Impak emosi, bersama dengan ritual dan wacana jenayah, selalunya dikomersialisasikan dalam sistem kapitalis yang sedia ada. Pelaporan mengenai jenayah telah dipermudahkan. Jenayah diberitakan dalam format batasan moral yang ditentukan. Sesiapa yang melepasi batasan itu akan dikritik. Hal ini biasanya dipersembahkan dalam konteks yang menegaskan baik dengan jahat, normal dengan devian mengikut takrifan masyarakat bersistem patriarki. Tiada konteks dan latar belakang diberikan dalam berita jenayah. Jenayah dilihat sebagai sesuatu yang “peribadi”. Ia melibatkan tindakan dan reaksi individu yang terbabit. Kelakuan jenayah dilihat sebagai sesuatu yang berlaku pada masa itu sahaja dan tidak akan berulang (Jewkes, 2004, m.s. 41).

Nilai berita yang dikatakan paling popular bagi berita jenayah ialah “keganasan” (*violence*). Ini kerana “keganasan” paling berkesan memenuhi keperluan media untuk mempersembahkan jalan cerita dalam bentuk yang paling dramatik. Hall et al. (1978, m.s. 67) mendakwa apabila sesuatu tindakan keganasan berlaku, situasi ini menjadi berita yang amat baik kerana keganasan membawa impak negatif yang mempunyai nilai berita tertinggi. Antaranya, pembunuhan ialah jenayah keganasan yang paling “menonjol”. Naylor (2001) mendakwa bahawa keganasan memerlukan nilai berita lain seperti seks, gambar ngeri, orang berstatus tinggi dan sebagainya untuk mendapat liputan yang besar dalam akhbar. Chibnall (1977) mendakwa keganasan yang paling menarik perhatian media ialah pembunuhan yang melibatkan “orang yang tidak berdosa” di tempat awam. Gambar dan bahasa yang merangsang emosi selalunya mengiringi berita jenayah ganas dengan tujuan membangkitkan ketakutan orang awam.

Selain itu, akhbar juga melaporkan jenayah berunsur seks secara berlebihan. Akhbar memutar-belitkan gambaran dan pemahaman orang ramai mengenai jenayah berunsur seks. Seterusnya membangkitkan perasaan takut dalam kalangan orang ramai, khasnya golongan wanita (Ditton & Duffy, 1983; Greer, 2003; Cameron & Frazer, 1987; Soothill & Walby, 1991). Dalam masyarakat yang mengamalkan sistem patriarki ini, seks ganas dinormalisasikan dengan pelaporan berulang bahawa golongan lelaki ialah golongan yang bertindak ganas manakala golongan wanita ialah mangsa bagi jenayah ganas seks semula jadi yang terpaksa tunduk pada kuasa golongan lelaki, terutamanya apabila jenayah itu melibatkan golongan lelaki yang berstatus tinggi seperti ahli politik, peniaga, ahli profesional, paderi, ulama, sami atau orang kenamaan.

Dalam pemberitaan jenayah, media massa juga menegaskan suara rakyat untuk mendapatkan lebih ramai anggota polis, lebih banyak penjara dan sistem hukuman yang lebih berat ke atas golongan devian (Chibnall, 1977). Ini telah menyebabkan golongan berfikiran waras (*right-thinking*) berseteru dengan kumpulan devian ini. Justeru cadangan dan komen yang diberikan oleh ahli politik untuk memperbetulkan order masyarakat mendapat sokongan kuat daripada golongan yang bimbang dan takut. Golongan yang panik ini juga menuntut perundangan yang lebih ketat dan hukuman yang lebih berat. Dengan kata lain, ahli politik bukan sahaja memajukan agenda yang konservatif tetapi juga mengalih perhatian orang awam daripada masalah sosial yang lebih serius seperti kemiskinan, sistem patriarki dan sistem pendidikan. Kelas pemerintah perlu menjawab pada masalah sosial yang didapati oleh rakyat pada masa itu (Chibnall, 1977, m.s. ix-xiv).

Kepanikan Moral

Stanley Cohen (1972) memperkenalkan konsep kepanikan moral untuk menghuraikan reaksi media, orang awam dan agen-agen pengawal sosial terhadap tingkah laku devian remaja. Mengikut Cohen, “keadaan” atau “episod” yang wujud merupakan stereotaip terhadap golongan devian kerana orang awam tidak mempunyai pengalaman dalam sesetengah aspek sosial dan juga tidak mempunyai pengetahuan yang tepat tentang devian. Oleh sebab itu, mereka terpaksa bergantung pada media untuk mendapat maklumat yang dikehendaki. Tetapi banyak informasi yang diterima oleh ahli masyarakat mengenai kelakuan devian telah pun diproses oleh media massa. Cohen berpendapat bahawa kepanikan moral dibawa dan dicipta oleh media massa dan merupakan satu kesedaran sosial dengan impak yang jelas. Orang awam turut menjadi takut dan berharap keselamatan yang lebih ketat dari pihak berkuasa (Chibnall, 1977, m.s.16).

Kepanikan moral berlaku apabila ahli masyarakat mendakwa bahawa mereka diancam oleh golongan yang meruntuhkan nilai-nilai dan kepentingan masyarakat. Ahli masyarakat juga mendakwa bahawa golongan berkelakuan devian mengancam order masyarakat dan undang-undang yang sedia ada. Golongan tersebut dikatakan tidak bermoral. Tindakan mereka tidak dapat diterima oleh ahli masyarakat kerana telah membawa kerosakan kepada masyarakat. Kelakuan devian ini bukan sahaja mengancam keselamatan individu, malah dilihat sebagai mencabar nilai asas secara keseluruhan (Cohen, 1972). Justeru, mengikut Cohen (1972, m.s. 17), kadang-kala, berita mengenai kelakuan devian yang dilaporkan adalah berita yang nampaknya baru dan aneh. Kadang-kala pula, berita sebegini telah lama dilaporkan, tetapi tiba-tiba disensasikan. Kadang-kala panik ini berlalu dan dilupai, namun kadang-kala panik ini mempunyai implikasi yang lebih serius dan berjangka panjang, kadang-kala mungkin membawa perubahan dalam polisi perundangan dan sosial. Seringkali fenomena ini distereotaipkan oleh media massa, ditentukan oleh editor akhbar, ulama, ahli politik dan sebagainya. Media massa ialah alat yang menakrif masalah sosial dan merupakan agen pencorak realiti bagi semua ahli masyarakat terutamanya dalam pengliputan sesuatu peristiwa yang tidak pernah atau jarang dialami oleh ahli masyarakat. Fakta-fakta tertentu yang menimbulkan kemarahan, kerisauan dan kepanikan masyarakat telah dilaporkan. Dengan wujudnya laporan-laporan ini dalam media massa, nilai-nilai tradisional dikatakan harus dilindungi. Sempadan moral harus ditetapkan. Media massa juga mempengaruhi pihak-pihak tertentu untuk menguatkuasakan sempadan moral ini (Cohen, 1972, m.s. 9). Apabila ini berlaku, maka pemahaman tentang masalah sosial dan peraturan baru untuk mengatasi masalah sosial tersebut muncul. Cara-cara mengendalikan kelakuan devian juga dikenalpasti. Penguatkuasaan dijalankan dan kemudiannya berita tentang devian itu mula dilupai.

Kepanikan moral yang wujud kemudiannya digunakan untuk mendapat sokongan daripada orang awam dengan tujuan “*to police the crisis*” (Hall at el, 1978, m.s. 57). Media massa memainkan peranan yang penting dalam fenomena ini untuk menghasilkan semula berita jenayah bagi pemahaman umum orang awam. Hujahan Hall telah beralih daripada “konsensus moral” kepada “pergelutan golongan dominan” untuk mengukuhkan status quo mereka (Critcher, 2003, m.s. 14-16). Hegemoni golongan berkuasa hanya dapat diperkukuhkan dengan bantuan media yang menghasil semula makna jenayah mengikut tafsiran pihak pemerintah. Walau bagaimanapun, mengikut Hall at el (1978, m.s. 57-59), media massa hanya berperanan sebagai penakrif kedua (*secondary definer*) manakala sumber pihak berkuasa ialah penakrif pertama (*primary definer*). Critcher (2003) bersetuju bahawa konsep kepanikan moral juga boleh digunakan dalam konteks jenayah. Jenayah memenuhi kebanyakan aspek dan kriteria kepanikan moral, iaitu wujudnya “penjahat kampung” yang mengancam nilai tradisi masyarakat, wujudnya persetujuan masyarakat secara meluas ke atas kelakuan devian, wujudnya perasaan emosi yang kuat dalam kalangan orang awam, ahli politik dan media massa tentang kelakuan yang berbahaya ini. Terdapat lima kriteria untuk memahami konsep kepanikan moral, iaitu kebimbangan (*concern*), perseteruan (*hostility*), persetujuan (*consensus*), ketidakseimbangan (*disproportionality*) dan ketidakstabilan (*volatility*) (Critcher, 2003, m.s. 150-151).

Kriteria pertama ialah kebimbangan. Ancaman golongan penjahat kampung (*folk devil*) telah menimbulkan kebimbangan ahli masyarakat yang lain, terutamanya golongan ibu bapa, pendidik dan ulama. Kebimbangan mereka disampaikan melalui saluran yang sedia ada seperti komentar dalam akhbar, surat kepada pengarang, aktiviti pergerakan sosial dan sebagainya yang semakin bertambah dalam akhbar. Kedua, wujudnya peningkatan tahap seteru terhadap golongan

atau kategori devian kerana kelakuan mereka yang mengancam keselamatan masyarakat. Wujudnya perbezaan antara “kita” (orang majoriti yang baik) dengan “mereka” (devian, penjahat dan penjenayah). Stereotaip berlaku kerana masyarakat cuba membezakan yang jahat dengan yang baik (*evil versus good*) mengikut takrifan dan norma masyarakat. Ketiga ialah persetujuan. Apabila kepanikan berlaku, sebahagian besar daripada masyarakat bersetuju bahawa segolongan kecil masyarakat yang telah melakukan kesalahan (*wrongdoing*) telah mengancam kepentingan seluruh masyarakat. Mereka juga bersetuju bahawa keadaan ini adalah amat serius. Oleh sebab itu, golongan yang berfikiran waras (*right-thinking*) harus menegur dan memperbetulkan keadaan ini. Pandangan golongan elit seperti golongan guru agama, pertubuhan pergerakan wanita, media, ahli politik dan sebagainya kadang-kala menindas pandangan alternatif daripada pihak yang kurang berkuasa. Keempat, ketidakseimbangan. Tahap kebimbangan ahli masyarakat ke atas kelakuan devian adalah jauh lebih serius daripada keadaan yang sebenarnya. Ketidakseimbangan ini boleh dilihat melalui empat indikasi: (1) kadar yang jauh lebih tinggi daripada realiti; (2) kadar yang dicipta; (3) kerosakan yang berlaku; (4) perhatian tinggi diberikan dalam satu-satu masa tertentu (Critchler, 2003, m.s. 23-26). Dakwaan ibu bapa, pendidik, golongan ulama, organisasi wanita daripada pertubuhan bukan kerajaan dan sebagainya mendesak pihak pemerintah supaya mengambil sikap yang serius terhadap jenayah yang berlaku. Kriteria kelima ialah sifat ketidakstabilan kepanikan moral. Kepanikan moral selalunya mempunyai hayat yang pendek dan mungkin semakin dilupai ditelan zaman. Selepas fenomena kepanikan moral pudar, tiada sesiapa pun yang akan mengingati fenomena yang pernah berlaku ini. Kepanikan moral mungkin dihidupkan semula dari semasa ke semasa. Kepanikan moral ini juga mungkin membawa pergerakan sosial atau membawa perubahan dalam perundangan, misalnya hukuman yang lebih berat.

Jock Young (2009) mendakwa bahawa kepanikan moral adalah sesuatu keadaan ahli masyarakat berasa takut terhadap sesuatu kelakuan golongan tertentu. Ketakutan itu adalah benar. Ahli masyarakat seterusnya menghubungkan ketakutan itu dengan kejadian moral dalam masyarakat. Young menegaskan bahawa kepanikan moral bukanlah berlaku sekali sahaja. Ulangan kejadian yang sama mengesahkan bahawa sesuatu ancaman betul-betul mengganggu order masyarakat. Marsh dan Melville (2011) menyimpulkan daripada kajian bahawa idea kepanikan moral adalah berasas pada tindak balas masyarakat yang tidak setimpal ke atas kelakuan dan peristiwa tertentu. Goode dan Ben-Yehuda (1994) dan Jock Young (2009) juga bersetuju bahawa tindak balas yang tidak setimpal itu adalah ciri utama konsep kepanikan moral. Goode & Ben-Yehuda mendakwa (1994, m.s. 36),

the threat, danger, or damage said be to caused by the behaviour is far more substantial than, is incommensurate with and in fact is above and beyond that which a realistic appraisal could sustain.

Howard Becker (1963, m.s. 147) mendakwa media massa seringkali menyedarkan masyarakat tentang pergerakan sosial tertentu untuk membentuk pendapat umum. Dengan bantuan pelopor moral (*moral entrepreneur*) dan wujudnya pendapat umum yang sama, tekanan telah diberikan kepada pihak pemerintah untuk mengenakan kawalan sosial dan peraturan moral. Becker (1963, m.s. 135) menegaskan peranan pelopor moral dan memberi erti kepada konsep devian dan jenayah. Pelopor moral, mengikut Becker, ialah golongan pengkritik yang begitu yakin bahawa kelakuan

segolongan kecil dalam masyarakat adalah tidak bermoral dan boleh membawa kerosakan kepada masyarakat.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kuantitatif dilengkapi dengan kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini. Dua cara digunakan untuk memperoleh data bagi menjawab persoalan kajian yang dikemukakan, iaitu analisa kandungan (*content analysis*) dan analisa wacana kritikal (*critical discourse analysis*). Akhbar *The Star*, *Berita Harian* dan *Sin Chew Daily* dipilih untuk dianalisa kerana tiga akhbar aliran utama tersebut mempunyai kadar pengedaran yang paling tinggi masing-masing antara akhbar berbahasa Inggeris, Melayu dan Cina di Malaysia (“Press & PR Guide”, 2009, “Audit Bureau of Circulation Malaysia”, Julai – Disember 2018;). Jangka masa yang dikaji adalah dari hari pertama kes itu berlaku sehingga keputusan rayuan diumumkan.

Wacana dikaji berdasarkan teks berita, lidah pengarang dan surat kepada pengarang. Analisa wacana kritikal dalam kajian ini dijalankan berdasarkan kerangka Norman Fairclough (1989 & 1995), iaitu huraian bahasa dalam teks (*linguistic description of the language*), interpretasi ke atas hubungan proses diskusi dengan teks (penghasilan dan interpretasi) serta penjelasan ke atas hubungan antara proses diskusi dan proses sosial. Kewujudan “kepanikan moral” boleh dilihat melalui diskusi teks yang menampakkan representasi pengalaman dan interaksi sosial antara peserta-peserta. Mengikut Fairclough (1998, m.s.144), analisa wacana kritikal dilihat sebagai integrasi antara (a) analisa teks (b) analisa ke atas praktis wacana (proses penghasilan, pengedaran dan penggunaan teks) dan (c) analisa peristiwa diskusi dalam praktis sosio-budaya secara keseluruhan.

Walaupun pengliputan jenayah rogol-bunuh selalu menjamin kadar pengedaran akhbar yang tinggi, namun berita sebegini jarang berlaku. Sejak dua dekad kebelakangan ini, jumlah kes rogol-bunuh berlaku di Malaysia yang telah dilaporkan dalam akhbar tidak melebihi 20 kes. Tidak kurang juga yang melibatkan kanak-kanak sebagai mangsa. Antaranya termasuk kes Noor Suzaily Mukhtar (27 April 2000), Farrah Deeba Rustam (14 Februari 2001), Norshakila Ramli Choo (1 April 2002), Siti Nurliyana Shamimi Rosdi (6 November 2002), Canny Ong (13 Jun 2003), Noritta Samsudin (5 Disember 2003), Nurul Huda Gani (17 Januari 2004), See Sheau Fang (9 Mac 2004), Law Lee Mei (24 Jun 2004), Ooi Shi Lay (28 Julai 2004), Koh Lay Fang (17 Februari 2005), Chee Gaik Yap (15 Januari 2006), Syafiqah binti Borhan (27 Januari 2006), Nurin Jazlin Jazimin (3 Oktober 2007), Tarmizi (pemangsa) (25 October 2015) (“Ex-guard grins as court sentences him to death”, *The Star Online*, 27 March 2019; “Top ten crimes in 2004”, *The Sun*, 3-4 Julai 2004 & 31 Julai 2005; *Kwang Wah Yit Poh*, 15 Januari 2006, *The Star*, 3 Oktober 2007). Kes Canny Ong dan Noritta Samsudin dipilih sebagai kajian kes kerana kedua-dua kes tersebut merangkumi pengliputan yang paling tinggi dalam akhbar terpilih antara semua kes rogol-bunuh yang dilaporkan setakat ini.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisa Kandungan

Sebanyak 766 teks telah dianalisa dalam kajian ini, termasuk teks berita, surat kepada pengarang dan komentar. Analisa teks yang melihat pada kewujudan unsur sensasi dan unsur kepanikan moral adalah masing-masing 589 dan 177. Kewujudan unsur sensasi dalam teks yang dianalisa mengikut sampel akhbar dan kes adalah seperti berikut:

Jadual 1: Jumlah teks dianalisa yang mengkaji kewujudan unsur sensasi mengikut kes

Kes/Akbar	The Star	Utusan Malaysia	Sin Chew Daily	Jumlah
Canny Ong	79	84	201	364
Noritta Samsudin	67	62	96	225
Jumlah	146	146	297	589

Antara tiga sampel akhbar yang dianalisis, *Sin Chew Daily* memberi liputan yang tertinggi tinggi, iaitu kira-kira 50 peratus daripada jumlah teks yang dianalisa, diikuti dengan *The Star* dan *Utusan Malaysia* masing-masing meliputi 25 peratus. Dalam kajian unsur kepanikan moral (rujuk Jadual 2), *The Star* mempunyai jumlah liputan artikel yang paling tinggi, iaitu 49 peratus, diikuti dengan *Utusan Malaysia* 28 peratus dan *Sin Chew Daily* 23 peratus.

Jadual 2: Jumlah teks dianalisa yang mengkaji kewujudan unsur kepanikan moral mengikut kes

Kes/Akbar	The Star	Utusan Malaysia	Sin Chew Daily	Jumlah
Canny Ong	80	36	40	156
Noritta Samsudin	7	14	0	21
Jumlah	87	50	40	177

a) *The Star*

Jadual 3: Peratusan kewujudan unsur sensasi mengikut kes kajian

Kes	Tajuk besar berunsur sensasi	Kandungan teks berunsur sensasi
-----	------------------------------	---------------------------------

	Tajuk besar berunsur sensasi/populasi teks	Peratusan	Kandungan teks berunsur sensasi/populasi teks	Peratusan
Canny Ong	15/79	18.9	29/79	36.7
Noritta Samsudin	37/67	55.2	23/67	34.3

Peratusan kewujudan unsur sensasi dalam teks yang dianalisis adalah seperti di atas. Secara umumnya, berita rogol-bunuh Canny Ong diberikan pelaporan terus (*straight reporting*) dalam tajuk besar dan kandungan teks. Daripada sejumlah 79 teks yang dianalisis, 18.9 peratus (15 teks) yang menunjukkan unsur sensasi dalam tajuk besar dan 36.7 peratus (29 teks) dalam kandungan teks. Manakala dalam pelaporan kes Noritta Samsudin, 34.3 peratus (23 teks) yang berunsur sensasi. Namun, dalam kes Noritta, antara 67 tajuk berita yang dianalisa, didapati 55.2 peratus (38 teks) adalah berunsur sensasi. Tajuk berita kes Noritta Samsudin melibatkan frasa-frasa “*Noritta worked as a GRO*”, “*Noritta sexually active*”, “*Hanif last to have sex with victim*”, “*Noritta had sex with unknown male*”. Sebanyak 87 teks telah dianalisa untuk melihat sama ada wujudnya unsur kepanikan moral dalam teks-teks tersebut. Antara 80 tajuk besar yang dianalisis, 86.3 peratus (69 teks) menunjukkan wujudnya unsur kepanikan moral. Peratusan kewujudan unsur kepanikan moral dalam tajuk besar dan kandungan teks yang dianalisis adalah seperti berikut:

Jadual 4: Peratusan kewujudan unsur kepanikan moral mengikut kes

Kes	Tajuk besar berunsur kepanikan moral		Kandungan teks berunsur kepanikan moral	
	Tajuk besar berunsur kepanikan moral/populasi teks	Peratusan	Teks berunsur kepanikan moral/populasi teks	Peratusan
Canny Ong	69/80	86.3	33/80	41.3
Noritta Samsudin	2/7	29.0	1/7	14.2

b) Utusan Malaysia

Jadual 5: Peratusan kewujudan unsur sensasi mengikut kes

Kes	Tajuk besar berunsur sensasi	Kandungan teks berunsur sensasi
------------	-------------------------------------	--

	Jumlah tajuk besar berunsur sensasi/populasi teks	Peratusan	Jumlah teks berunsur sensasi/populasi teks	Peratusan
Canny Ong	33/84	39.3	14/84	16.7
Noritta Samsudin	29/62	46.8	9/62	14.5

Jadual di atas menunjukkan peratusan kewujudan unsur sensasi dalam tajuk besar dan kandungan teks di *Utusan Malaysia*. Tajuk besar yang berunsur sensasi bagi kes Canny Ong dan Noritta Samsudin masing-masing adalah 39.3 peratus (33 teks) dan 46.8 peratus (29 teks). Manakala unsur sensasi kandungan teks dalam kedua-dua liputan Canny Ong dan Noritta Samsudin masing-masing adalah 16.7 (14 teks) peratus dan 14.5 peratus (9 teks). Tajuk besar berunsur sensasi bagi kes Canny Ong dan Noritta berkisar pada pelbagai spekulasi, seperti “Canny Ong mungkin dibunuh oleh pihak lain”, “Canny didakwa jalin hubungan sulit”. Sensasi juga merujuk kepada kekejaman dan sifat tidak berperikemanusiaan pembunuh. Suspek digambarkan sebagai seorang yang enggan mengakui kesilapannya dan seorang yang tidak insaf tentang kelakuannya, seperti “tertuduh beritahu mahu bakar Canny” dan “saya tidak takut untuk mati”. Sensasi jua berkisar pada pelaporan yang menunjukkan simpati ke atas suspek Noritta, seperti “Hanif Basree harap traumanya berakhir”, “Mimpi ngeri enam bulan berakhir”.

Sebanyak 50 populasi teks telah dianalisis dengan tujuan untuk melihat sama ada wujudnya unsur kepanikan moral dalam teks-teks tersebut. Antara teks yang dianalisis, kebimbangan masyarakat jelas kelihatan melalui pelbagai langkah yang disarankan kepada pihak pemerintah untuk membanteras jenayah seks dengan segera. Mereka menggesa pihak pemerintah supaya mengambil langkah-langkah berpatutan. Tidak kurang juga yang mengkritik pihak tertentu ke atas kejadian jenayah dan menunjukkan kebimbangan mereka ke atas keselamatan golongan wanita seperti “sikap abai keselamatan diselar”, “golongan wanita belum tersemat”, “tertuduh beritahu mahu bakar Canny”. Peratusan unsur kepanikan moral dalam semua teks yang dianalisa adalah seperti berikut:

Jadual 6: Peratusan kewujudan unsur kepanikan moral mengikut kes

Kes	Tajuk besar berunsur kepanikan moral		Kandungan teks berunsur kepanikan moral	
	Jumlah tajuk besar berunsur kepanikan moral/Populasi teks	Peratusan	Jumlah teks berunsur kepanikan moral/Populasi teks	Peratusan
	23/36	63.9	7/36	19.4

Canny Ong				
Noritta Samsudin	9/14	64.3	4/14	28.6

c) *Sin Chew Daily*

Jadual 7: Peratusan pelaporan berita yang berunsur sensasi mengikut kes

Kes	Tajuk besar berunsur sensasi		Isi kandungan teks berunsur sensasi	
	Jumlah tajuk besar berunsur sensasi/Populasi teks	Peratusan	Jumlah tajuk besar berunsur sensasi/Populasi teks	Peratusan
Canny Ong	175/201	87.0	169/201	84.0
Noritta Samsudin	89/96	92.7	82/96	85.4

Jadual di atas menunjukkan peratusan pelaporan berita yang berunsur sensasi mengikut kes di *Sin Chew Daily*. Sejumlah 201 teks telah dianalisa bagi kes Canny Ong dan 96 teks bagi kes Noritta Samsudin. Antara 92 teks yang dianalisa untuk mengkaji kewujudan unsur sensasi, didapati 92.7 peratus (89 tajuk besar) dan 85.4 peratus (82 kandungan berita) adalah berunsur sensasi. Gambaran secara terperinci ke atas kematian Canny Ong, terutamanya huraian ke atas organ seks, seperti “mayat disahkan sebagai perempuan melalui rambut dan rahim: tangan mangsa diikat silang”. Kematian Noritta dilaporkan dengan teliti melalui kata-kata, frasa-frasa atau ayat-ayat yang merangsang emosi, terutamanya bahagian yang melibatkan seks, misalnya “Noritta mati dengan ngeri”, “tubuhnya berada di katil, tangan diikat ke belakang, kepala ditutupi dengan sarung bantal, mulut diikat dengan sarung bantal peluk dan mati dengan ngeri”. Suspek Canny Ong digambarkan sebagai seorang yang memang kejam dan tidak masuk akal. Orang sebegini dikatakan mengancam keselamatan masyarakat, terutamanya mengancam keselamatan golongan wanita. Contoh tajuk besar yang ditulis termasuk “mayat dibakar dengan petrol dan suspek memusnahkan bukti”. Sebanyak 40 populasi teks telah dianalisis dan didapati bahawa 77.5 peratus daripada tajuk besar dan 45 peratus daripada isi kandungan teks adalah berunsur kepanikan moral. Jadual berikut menunjukkan peratusan tajuk besar dan kandungan teks yang berunsur kepanikan moral.

Jadual 8: Peratusan kewujudan unsur kepanikan moral mengikut kes

Kes	Tajuk besar berunsur kepanikan moral	Kandungan teks berunsur kepanikan moral
-----	--------------------------------------	---

	Jumlah tajuk besar berunsur kepanikan moral/ Jumlah teks	Peratusan	Jumlah tajuk besar berunsur kepanikan moral/Jumlah teks	Peratusan
Canny Ong & Noritta Samsudin	31/40	77.5	18/40	45.0

Kebimbangan ahli masyarakat ke atas kes rogol-bunuh Canny Ong dan Noritta Samsudin jelas kelihatan melalui pelaporan. Golongan wanita dilihat sebagai golongan yang tidak berupaya menjaga keselamatan diri sendiri, justeru harus mendapat perlindungan daripada pihak lelaki. Golongan wanita digesa untuk mempertahankan diri melalui pelbagai cara supaya tidak menjadi mangsa seks. Penjenayah seks dikutuk oleh pelbagai pihak dalam masyarakat. Penjenayah dikatakan harus dijatuhkan hukuman yang berat kerana kelakuan mereka tidak dapat diterima atau dimaafkan oleh masyarakat, seperti “perogol harus dihukum berat”. Wujud juga pihak yang menggesa pihak pemerintah supaya menggubal undang-undang agar kepentingan golongan wanita terjamin. Tindakan harus diambil dengan serta-merta, misalnya “Kabinet bersetuju secara prinsip untuk menggubal undang-undang”, “Hukuman mati wajib akan dijatuhkan kepada penjenayah kes rogol-bunuh”.

Analisis Wacana Kritikal

Sebanyak 6 artikel telah dipilih untuk dianalisis dengan Wacana Kritikal. Berikut adalah penemuannya:

a) Dimensi teks

Perkataan seperti “sekali lagi”, “berulang” dan “rentetan peristiwa rogol and bunuh tiga wanita” menunjukkan penulis bimbang akan keselamatan wanita dan keadaan yang sedia ada. Penulis percaya bahawa kejadian rogol telah berulang-ulang banyak kali sejak suatu masa yang lalu. Beliau menganggap langkah yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk mengatasi jenayah rogol-bunuh masih tidak dapat menghentikan kejadian itu. Penggunaan frasa seperti “wanita seharusnya menghadkan pergerakan”, “pakaian wanita juga perlu lebih sopan dan sempurna” dan “pakaian yang menjolok mata” menunjukkan penulis berpendapat cara pemakaian dan pergaulan wanita merupakan faktor utama wanita menjadi mangsa. Oleh sebab itu, wanita patut lebih mengawal diri. Dengan erti kata lain, penulis “menyalahkan” diri wanita berkenaan yang menyebabkan kejadian rogol-bunuh berlaku pada diri mereka.

Selain itu, penggunaan ayat seperti “pihak kerajaan juga wajib memandang serius” menunjukkan bahawa penulis berpendapat pihak kerajaan tidak mendengar dan telah mengabaikan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. “Sikap masyarakat juga perlu berubah”, “keselamatan wanita tidak harus dipandang enteng” dan

“lelaki juga harus memelihara pandangan mereka agar tidak melihat wanita sebagai objek seks” pula menggambarkan penulis sebagai “wakil” kepada semua ahli masyarakat, khususnya golongan wanita, untuk menyuarkan pandangan terhadap wanita. Penulis berpendapat bahawa suasana yang selamat harus diwujudkan kepada golongan wanita supaya keselamatan mereka terjamin. Antaranya, golongan lelaki memainkan peranan yang amat penting untuk menjaga golongan wanita yang dikatakan tidak berupaya untuk mempertahankan sendiri. Penulis begitu sakit hati dan bimbang tentang kejadian rogol-bunuh yang berulang-ulang. Beliau berpendapat bahawa peristiwa ini harus mendapat perhatian yang serius daripada semua pihak, termasuk golongan wanita, golongan lelaki dan yang paling penting, pihak kerajaan. Ini dapat ditunjukkan dalam penggunaan kata-kata seperti “sekali lagi”, “sememangnya”, “sewajarnya” dalam permulaan perenggan. Perkataan-perkataan ini juga menunjukkan penulis bersikap “tegas” dalam pendiriannya bahawa sudah menjadi tanggungjawab pemerintah dan kumpulan lain dalam masyarakat untuk mengambil perhatian serius tentang isu ini.

Berdasarkan penghubung logikal ‘agar’, ‘supaya’ dan ‘untuk’ yang digunakan dalam ayat, golongan wanita, lelaki, kerajaan dan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga diseru memikul tanggungjawab masing-masing dalam usaha menghentikan masalah rogol dan bunuh di negara kita. Dengan kata lain, masalah ini tidak dapat diselesaikan jika hanya bergantung kepada kerajaan. Kerjasama daripada masyarakat memang diperlukan dalam usaha ini atas “pimpinan” pihak kerajaan. Penggunaan kata logikal “sebenarnya” dan “kerana” dalam petikan ini memberi tanggapan bahawa kes rogol berlaku disebabkan oleh wanita berpakaian seksi merangsang nafsu perogol. Oleh sebab itu, golongan wanita perlu mengawal kelakuan dan pemakaian mereka supaya tidak membahayakan diri. Mereka dikatakan ialah golongan yang harus dipersalahkan dan sepatutnya menerima padahnya jika mereka tidak berkelakuan baik. Perkataan “sebenarnya” dan “kerana” dalam artikel ini menunjukkan apa-apa yang dibincangkan adalah berlaku secara “semula jadi”, misalnya adalah “secara semula jadi” golongan wanita dirogol kerana pemakaian yang mendedahkan badan. Oleh sebab itu, “secara semula jadi” juga golongan wanita harus dilindungi oleh golongan lelaki.

Penulis mempunyai kuasa mutlak ke atas topik perbincangan dalam surat kepada pengarang. Penulis membahagikan tanggungjawab membasmi kejadian rogol-bunuh kepada 5 pihak, iaitu (1) pihak kerajaan (2) golongan wanita (3) golongan lelaki (4) Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dan (5) ahli masyarakat. penulis berpendapat pihak kerajaan telah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mengambil langkah-langkah mengatasi jenayah rogol dan bunuh tetapi masalah ini tetap berulang. Oleh sebab itu, pihak yang lain, terutamanya golongan wanita, harus mengawal kelakuan mereka demi mengelakkan diri daripada bahaya. Seruan yang diberikan kepada golongan wanita adalah jelas kerana “panduan” dan “nasihat” telah diberikan kepada wanita atas pakaian dan kelakuan melingkungi Penulis berpendapat sekiranya golongan wanita masih enggan mengambil “nasihat” tersebut, mereka patut dipersalahkan dan akan menerima padahnya.

b) Matriks sosial pada wacana

Jenayah kes rogol-bunuh yang berlarutan telah membimbangkan masyarakat. Secara umumnya, penulis begitu terkejut dan hilang sabar terhadap kelakuan buas penjenayah. Penulis juga menunjukkan kerisauan beliau terhadap keselamatan masyarakat dan berasa dukacita terhadap

manusia yang kehilangan nilai kemanusiaan. Penulis berharap jenayah rogol- bunuh yang kejam ini dapat dihentikan, justeru meminta pihak berkuasa supaya campur tangan dalam usaha ini dengan harapan bahawa pihak tersebut boleh melaksanakan langkah-langkah berkesan seperti menilai semula kadar hukuman yang sedia ada. Ini turut memperlihatkan wujudnya kepanikan dalam artikel penulis.

c) *Kesan ideologi dan kesan politik pada wacana*

Masyarakat “mempelawa” pihak berkuasa supaya bercampur tangan untuk memperbetulkan order masyarakat ke tahap yang “normal”. Kerajaan dilihat sebagai pihak yang paling penting untuk memastikan masyarakat sentiasa berasa dalam keadaan harmoni dan selamat. Petunjuk diberikan bahawa rakyat amat memerlukan “bantuan” kerajaan untuk mencegah jenayah daripada berleluasa. Masyarakat mempercayai pihak kerajaan mempunyai kemampuan untuk membasmikan jenayah rogol yang sering berlaku. Penulis sebagai wakil masyarakat telah menyeru pihak kerajaan untuk menggubal undang-undang yang lebih berat ke atas perogol dan diseru supaya melaksanakan langkah-langkah yang berkesan untuk menghapuskan jenayah ini.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati akhbar berlainan bahasa di Malaysia menyensasikan berita jenayah pada tahap yang berbeza. Pemahaman ke atas “sensasi” dalam pelaporan mengenai jenayah rogol-bunuh hari ini lebih merujuk kepada berikut: (1) pelaporan akhbar yang membuat spekulasi ke atas kejadian jenayah; (2) pelaporan media yang memberi gambaran terperinci ke atas perlakuan seks; (3) pelaporan akhbar yang mencipta suspens supaya berita itu menjadi lebih menarik; (4) pelaporan akhbar yang memutar-belit cerita; dan (5) penggunaan kata-kata dan frasa-frasa yang berkait rapat dengan seks.

Seiringan dengan komersialisasi industri akhbar, pelaporan tentang badan wanita dijadikan “komoditi” yang melariskan jualan akhbar. Berita jenayah seks dan golongan wanita telah “dibungkus” sebagai satu komoditi untuk dijual kepada pembaca, seiringan dengan komersialisasi akhbar di Malaysia. Pelaporan jenayah dalam akhbar menggambarkan golongan wanita seolah-olah sasaran yang begitu “mudah diserang” oleh penjenayah. Media massa memainkan peranan sebagai “agen pengukuhan” (*amplifier*), “agen penyiasatan” dan “agen hiburan” dalam pelaporan kejadian rogol-bunuh. Ketepatan pelaporan media massa jarang dipersoalkan. Semua selok belok berita dilaporkan dengan gaya penulisan yang menarik tetapi konteks dan asal-usul jenayah tidak dibincangkan selanjutnya. Pelaporan media massa adalah lebih bertumpu pada kejadian (*event-centered*) tetapi kurang bertumpu pada konteks kejadian itu. Tanpa konteks, kebimbangan ahli masyarakat menjadi secara buta tuli. Orang ramai menjadi takut tanpa asas dan tanpa pemahaman yang mendalam ke atas kejadian yang berlaku walaupun representasi media tentang jenayah adalah tidak sepadan dengan realiti masyarakat yang sebenarnya.

Pelaporan menunjukkan stereotaip ke atas golongan wanita. Mangsa wanita digambarkan sebagai objek seks yang mudah merangsang keghairahan nafsu golongan lelaki. Golongan wanita selalu menjadi sasaran mudah bagi segolongan kecil penjenayah seks yang hilang akal kerana pemakaian golongan wanita yang menjolok mata, kelakuan mereka yang tidak senonoh atau atas

kelalaian sendiri. Oleh sebab itu, wanita terpaksa bergantung pada golongan lelaki untuk melindungi mereka daripada dicabuli oleh segolongan kecil penjenayah. Selagi stereotaip ke atas golongan wanita dalam masyarakat patriarki ini berkekalan, pelaporan sebegini akan terus wujud. Sensasionalisme, selain digunakan sebagai alat mendapat keuntungan bagi organisasi media massa, juga berperanan membangkitkan perasaan moral dalam kalangan pembaca. Dalam kejadian rogol-bunuh, kelakuan wanita “dibicarakan” oleh media massa dari segi pandangan dunia agama tertentu yang terbentuk dalam masyarakat patriarki. Golongan wanita tidak seharusnya menyalurkan pandangan atau keperluannya tentang kuasa dan seks kerana ini telah mencabar norma masyarakat tentang sifat kewanitaan. Mereka hanya berperanan untuk melayan keperluan golongan lelaki. Sekiranya norma itu tercabar, wanita itu dikatakan telah melampaui batasan yang dibenarkan oleh masyarakat dan harus dihukum kerana berdosa.

Seperti kajian yang dijalankan ke atas fidofilia dan penyalahgunaan dadah (Critcher, 2003; Young, 1971), jenayah rogol-bunuh membangkitkan kepanikan moral secara meluas dalam kalangan masyarakat Malaysia melalui amplifikasi media massa. Representasi media ke atas jenayah seks yang berlebihan ini memang berkesan untuk merangsang perasaan bimbang dalam kalangan ahli masyarakat. Mereka menunjukkan tindak balas yang berlebihan dalam kes jenayah. Mereka panik dan bimbang tentang keselamatan dan order masyarakat. Pelbagai kritikan diberikan. Pelbagai pihak dipersalahkan termasuk pihak pengurusan kompleks membeli-belah, ibu bapa, pihak kerajaan, golongan lelaki, sistem pendidikan yang sedia ada dan golongan wanita sendiri yang lemah pegangan agama. Ada yang menyatakan kebimbangan mereka terhadap keselamatan individu, ada yang mengutuk penjenayah, ada yang marah pada pihak berkuasa, ada yang mempersalahkan golongan wanita, tidak kurang juga yang mempersalahkan media massa, ada yang mempersalahkan pihak kerajaan, ada yang mengatakan pendidikan agama harus ditegaskan semula. Cadangan dan kritikan tersebut menunjukkan bahawa ahli masyarakat amat bimbang terhadap keselamatan diri dan orang kesayangan mereka. Masyarakat dan tempat tinggal dianggap tidak lagi selamat. Ahli masyarakat juga khuatir bahawa tahap moral telah jatuh ke peringkat yang amat rendah.

Tindak balas orang ramai yang tidak setimpal dengan kelakuan devian memang memenuhi ciri kepanikan moral yang dibincangkan oleh Stanley Cohen. Dalam bidang lain seperti bidang politik dan bidang ekonomi, pelaporan media secara besar-besaran membangkitkan ketakutan yang keterlaluan dalam kalangan rakyat. Seterusnya segolongan masyarakat yang berfikiran waras (*right-thinking*) seperti ahli politik, guru agama, pertubuhan pergerakan wanita dan juga media massa yang dianggap “berakhlak tinggi” harus mengambil tindakan segera untuk “menyelamatkan” masyarakat. Oleh sebab terlalu bimbang terhadap keselamatan, pelbagai cadangan telah diberikan melalui media massa untuk memperbetulkan order masyarakat. Ada yang inginkan penambahan anggota polis, ada yang mahukan undang-undang digubal, ada yang meminta pelaksanaan hukuman yang lebih rapat, ada yang meminta pemulihan moral, ada yang menekankan kepentingan agama, ada yang menyarankan pemakaian yang tidak menjolok mata dalam kalangan wanita dan sebagainya. Mereka berpendapat bahawa tindakan harus diambil dengan segera untuk memperbetulkan moral dan order masyarakat. Pelbagai pihak dipertanggungjawabkan untuk menjalankan tugas ini. Antaranya, pihak kerajaan, pihak polis dan golongan ulama dikatakan memainkan peranan yang paling penting untuk memperbetulkan order masyarakat. Berdasarkan restu yang diberikan oleh rakyat, pihak kerajaan mengambil kesempatan untuk melaksanakan pelbagai undang-undang yang lebih ketat, seperti meningkatkan tempoh

penjara dan pemasangan televisyen litar tertutup atas nama “kepentingan dan keselamatan masyarakat”.

Namun, tahap kebimbangan ahli masyarakat ke atas jenayah seks adalah jauh lebih serius berbanding dengan keadaan yang sebenarnya. Kadar liputan dalam media dan perhatian yang diberikan ke atas kejadian rogol-bunuh dalam satu-satu masa tertentu adalah jauh lebih tinggi daripada realiti. Masyarakat, dalam masa kritikal ini, memberi persetujuan mereka secara bulat-bulat kepada pihak pemerintah untuk mengambil langkah segera yang dianggap boleh membanteras jenayah serius ini. Pihak kerajaan dilihat sebagai golongan yang paling penting dan golongan yang paling berkuasa untuk mengembalikan order sosial. Justeru kerajaan diberikan mandat yang lebih berat untuk menggubal undang-undang dan melaksanakan pelbagai langkah berkesan untuk mencegah jenayah. Langkah-langkah yang diambil oleh pihak pemerintah dikatakan tidak akan berjaya tanpa “kerjasama” daripada semua ahli masyarakat. Justeru, semua rakyat harus memberikan persetujuan dan kerjasama sepenuhnya kepada pihak kerajaan demi “memulihkan” order masyarakat yang terancam. Status quo golongan pemerintah dikekalkan, malah diperkukuhkan lagi kerana mendapat “restu secara bulat-bulat” daripada rakyat untuk melaksanakan undang-undang yang lebih ketat. Hegemoni mereka diperkuatkan dalam masa krisis yang berlaku dari semasa ke semasa, lebih-lebih lagi apabila rakyat menyebelahi dan menyokong tindakan dan dasar yang dilaksanakan oleh pihak pemerintah. Keselamatan masyarakat kelihatan jatuh pada tangan pihak pemerintah, justeru masyarakat harus “mengenang budi” mereka. “Budi baik” itu akan selalu disebut-sebut oleh pihak pemerintah walaupun fenomena itu telah pudar.

Proses kepanikan moral yang didakwa oleh Stanley Cohen (1972) adalah jelas kelihatan dalam pelaporan mengenai jenayah rogol-bunuh dalam akhbar di Malaysia, iaitu kepanikan moral dibangkitkan apabila ancaman luar biasa berlaku. Dalam konteks ini, pembunuh dan penganas seks dikatakan telah menggugat keselamatan golongan wanita dan ahli masyarakat lain. Inventori media berlaku. Media telah melaporkan berita rogol-bunuh secara sensasi. Cerita kadang-kala diputar belit dan dibesar-besarkan supaya menjadi lebih menarik. Penulisannya banyak melibatkan spekulasi. Suspek jenayah seks digambarkan sebagai penjahat kampung (*folk devil*) yang harus dihukum dengan berat sebelum ia berleluasa. Pelopor moral (*moral entrepreneur*) seperti ahli politik, pemimpin negara dan ulama begitu yakin bahawa kelakuan segolongan kecil dalam masyarakat adalah tidak bermoral dan membawa kemusnahan kepada masyarakat. Mereka berpendapat bahawa penjenayah tidak mendapat hukuman yang setimpal, justeru mencadangkan pelbagai cara penyelesaian dan langkah-langkah melalui surat kepada pengarang, pelaporan rencana dan berita untuk membanteras ancaman tersebut. Respons ahli masyarakat seterusnya menyebabkan tindakan tertentu seperti penggubalan undang-undang diambil oleh pihak pemerintah.

Isu yang dibincangkan itu “berhenti” dengan cepat selepas undang-undang menjatuhkan hukuman berat ke atas perogol telah digubal dan pemasangan televisyen litar tertutup dibuat. Media beralih perhatian kepada isu baru yang lain. Televisyen litar tertutup yang dipasang masih kekal di tempat awam tanpa memainkan fungsi yang sepatutnya. Undang-undang yang digubal hanya digunakan sekali sekala apabila kes itu berlaku. Walaupun langkah-langkah yang diambil hanyalah berjangka pendek, golongan pemerintah dikatakan telah menjalankan tanggungjawab mereka dengan begitu baik. Masalah dianggap telah selesai dan rakyat berpuas hati dengan tindakan yang diambil oleh golongan pemerintah. Mereka tidak lagi bimbang. Isu ini kian pudar dan dilupai orang sehingga kes yang sama berlaku lagi sekali-sekala.

RUJUKAN

- “About us: *The Star*”. Retrieved June 14, 2019, from <https://www.thestar.com.my/aboutus/>
- Amir, M. (1971). *Patterns of forcible rape*. Chicago: University of Chicago Press.
- Altheide, D. (2009). Moral panic: From sociological concept to public discourse. *Crime, Media and Culture*. 5(1), 79-99.
- Althusser, L. (1977). Marxism and humanism. *For Marx*. London: Verso.
- Anita, B. Abdul Rahim (2005). *Jenayah homisid*. Petaling Jaya Malaysia: International Law Books Services.
- Audit Bureau of Circulation, Malaysia (Julai – Disember 2018). Retrieved June 17, 2019, from <http://abcm.org.my/wp-content/uploads/2013/08/ABC-Circulation-Figures-July-Dec-2018-States-Distribution.pdf>
- Azman Azwan Azmawati (2004). Sex, commodity and the media: Reporting of the Noritta Samsuddin and Canny Ong murders by the Malaysian print media. Paper presented at *Women's World Conference 2005*. Seoul, Korea.
- Azman Azwan Azmawati & Juliana Abdul Wahab (2005). Power and patriarchy: Women's programmes on Malaysian television. In *Media and Society in Asia-Transformation and Transition*. Paper presented at the 14th AMIC Annual Conference in Beijing, People's Republic of China.
- Azman Azwan Azmawati (2007). *Cultivating gender sensitive culture in the Malaysian media industry: A critique and an alternative*. Retrieved May 11, 2019, from [http://eprints.usm.my/4896/1/Cultivating Gender Sensitive Culture In The Malaysia Media Industry.pdf](http://eprints.usm.my/4896/1/Cultivating_Gender_Sensitive_Culture_In_The_Malaysia_Media_Industry.pdf)
- Barak, G. (1994). *Media, process, and the social construction of crime*. (G. Barak, Ed.), New York: Garland.
- Baran, S. J. & Davis, D. K. (2000). *Mass communication theory: Foundations, ferment, and future*. USA: Wadsworth.
- Bazelon, D. (1978). The hidden politics of American criminology. In J. Conrad (Ed.). *The evolution of criminal justice*. Newsbury Park, CA: Sage Publisher.
- Becker, H. (1963). *Ousiders: Studies in sociology of deviance*. New York: Free Press.
- Bell, A. (1998). The discourse structure of news stories. In A. B. Garrett (Ed.), *Approaches to media discourse* (pp. 64-104). USA: Blackwell Publishers.
- Bennett, T., Martin, G., and Woollacott, J. (Eds). (1981). *Culture, ideology and social process: A reader*. Milton Keynes: Open Press.
- Berelson, B. (1971). *Content analysis in communication research*. UK: Free Press.
- Berger, A. A. (2000). *Media and communication research methods: An introduction to qualitative and quantitative approaches*. Carlifornia: Sage Publication.
- Blaikie, N. (2000). *Designing social research: The logic of anticipation*. UK: Polity Press.
- Blumer, H. (1971). Social problems as collective behaviour. *Social problems*, 18, 298-306.
- Box, S. (1981). *Deviance, reality and society* (2nd ed.). New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Breen, M. J. (1997). A cook, a cardinal, his priests, and the press: Deviance as a trigger for intermedia agenda setting. *Journalism and Mass Communication Quarterly*, 74, 348-356.
- Browne, K. (1992). An introduction to sociology. In K. Browne, *Social control, deviance and crime* (pp. 176-207). UK: Polity Press.
- Browne, K. (1992). *Social control, deviance and crime. An introduction to sociology*. UK: Polity Press.
- Bryant, J. & Zillmann, D. (1994). Perspectives on media effects. In Bryant, J. & Zillman, D. (Eds.). *Media effects: Advances in theory and research*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.

- Cameron, D. and Fraser, E. (1987). *The lust to kill: A feminist investigation of sexual murder*. Cambridge: Polity Press.
- Cavanagh, A. (2007). Taxonomies of anxiety: Risk, panics, paedophilia and the Internet. *Electronic Journal of Sociology*. Retrieved May 10, 2019, from <https://pdfs.semanticscholar.org/9f9a/d08d6fd90e676b316a86af19de70274f9dee.pdf>
- Chapelle, C. A. (1998, October). *Some notes on systemic-functional linguistics*. Retrieved May 19, 2019, from <https://carolc.public.iastate.edu/LING511/sfl.html>
- Chas, C. (2003). *Moral panic and the media*. Philadelphia: Open University Press.
- Chibnall, S. (1977). Law-and-order news. In S. Chibnall (ed.), *Crime reporting and mass communication research* (pp. 1-10). London: Tavistock Publication.
- Chiricos, T., Eschholz, S., and Gertz, M. (1997). Crime, news and fear of crime. *Social problems*, 44 (3), 342-357.
- Chok, J. (1998). *Kebimbangan terhadap jenayah: Satu tinjauan ke atas persepsi wanita*. Unpublished Master's thesis, Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia.
- Clinard, M. B. & Meier, R. F. (1995). Sociology of Deviant Behaviour. In M. B. Meier (ed.) *Labeling, control and learning theories of deviance* (pp. 121-139). New York: Harcourt Brace College Publishers.
- Cohen, S. (1972). *Folk devils and moral panics*. St Albans: Paladin.
- Cohen, S. (1971). *Images of deviance*. London : Penguin Books.
- Cohen, S. (1980). *Folk devils and moral panics* (2nd ed.). London: Routledge.
- Cohen, S. & Young, J. (1981). *The manufacture of news: Social problems, deviance and the mass media*. UK: Constable.
- Critcher, C. (2002). Media, government and moral panic: the politics of paedophilia in Britain 2000-1. *Journalism Studies*, 3, 521-535.
- Critcher, C. (2003). *Moral panic and the media*. Buckingham: Open University Press.
- Critcher, C. (2009). Widening the focus: Moral panics as moral regulation. *British Journal of Criminology*, 49, pp. 17-34.
- Curran, J. (1982). Communications, power and social order. In T. B. Michael Gurevitch (Ed.), *Culture, society and the media* (pp. 202-235). London: Methuen.
- David, P. (1997). Role of imagery in recall of deviant news. *Journalism and Mass Communication Quarterly*, 73, 804-820.
- Deming, M.B. & Eppy, A. (1981). The Sociology of rape. *Sociology and social research*, 65, 357-380.
- Dijk, T. A. (1998). Opinions and ideologies in press. In A. B. Garrett (Ed.), *Approaches to media discourse* (pp. 21-63). USA: Blackwell Publishers.
- Ditton J & Duffy J. (1983). Bias in the newspaper reporting of crime news. *British Journal of Criminology*, 23 (2).
- Edwin H. Sutherland (1947). *Principles of criminology* (4th ed.). Philadelphia: J.B. Lippincott.
- Eisler, R. (2005). Spare the rod: Challenging traditions of violence. *YES! A Journal of Positive Futures*, Winter 2005.
- Entman, R. (1993). Framing: Toward clarification of a fractured paradigm. *Journal of Communication*, 43, 51-58.
- "Ex-guard grins as court sentences him to death", *The Star Online*, 27 March 2019. Retrieved April 17, 2019, from <https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/03/27/exguard-grins-as-court-sentences-him-to-death/>
- Fairclough, N. (1989). *Language and power*. Longman: Pearson Education.
- Fairclough, N. (1995). *Critical discourse analysis: The critical study of language*. New York: Longman London and New York.
- Fairclough, N. (1998). Political discourse in the media: An analytical framework In A. Bell and P.

- Garrett (Eds.), *Approaches to media discourse* (pp. 142-162) UK: Blackwell Publisher.
- Fairclough, N. (2001). *Language and power* (2nd ed.). Longman: Pearson Education.
- Fishman, J.M & Marvin, C. (2003, March). Portrayals of violence and group difference in newspaper photographs: Nationalism and media. *Journal of Communication*, 32-44.
- Fowler, R. (1991). Introduction: The importance of language in the news. In R. Fowler, *Language in the news: Discourse and ideology in the press* (pp. 1-24). London: Routledge.
- Fowler, R., Kress, G. , Hodge, B. & Trew, T. (1979). *Language and control*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Foucault, M. (1979). *The history of sexuality* (Vol. 1). London: Penguin.
- Friedan, B. (1997). *The feminine mystique*. New York: Norton.
- Garland, D. (2002). Of crimes and criminals: The development of criminology in Britain. In R. M. Mike Maguire (Ed.), *The Oxford handbook of criminology* (3rd ed.) (pp. 7-203). UK: Oxford University Press.
- Garofalo, J. (1981). Crime and the mass media: A selective review of research. *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 18 (2), 319-350.
- Garrett, P. & Bell, A. (1998). Media and discourse: A critical overview. In A. B. Garrett (Ed.), *Approaches to media discourse* (pp. 1-20). UK: Blackwell Publishers.
- Gitlin, T. (1980). *The whole world is watching: Mass media and the making and unmaking of the new left*. Berkeley: University of California Press.
- Goh Wei Ching & Hao Xiaoming. Crime news and public perception of crimes: Testing the "mean world" hypothesis in Singapore. *International Journal of Public Opinion Research*, 30, 45-66.
- Goode, E. & Ben-Yehuda, N. (1994). *Moral panics: The social construction of deviance*. Oxford: Blackwell.
- Graber, D. A. (1979, Summer). Is crime news coverage excessive? *Journal of Communication*, 81-92.
- Graber, D. (1980). *Crime news and the public*. New York: Praeger.
- Greer, C. (2003). *Sex crime and the media: Sex offending and the press in a divided society*. Cullompton: Willan.
- Halliday, M. (1978). *Language as social semiotic*. London: Edward Arnold.
- Hall, S. (1970). A world at one with itself in Cohen S. and Young, J. (Eds.) (1982). *The manufacture of news: Deviance, social problems and mass media*. London, Constable.
- Hall, S. (1973). Encoding/decoding in Hall, S., Hobson, D. , Lowe, A. and Willis, P. (Eds) (1980). *Culture, media, language*. London: Hutchinsonson.
- Hall, S. and Jefferson, T. (Eds.). (1975). *Resistance through rituals: Youth subcultures in post-war Britain*. London: Hutchinsonson.
- Hall, S., Critcher, C., Jefferson, T., Clarke, J. & Roberts, B. (1978). In J. Y. Walton (Ed.), *Policing the crisis: Mugging, the state and law and order*. London: MacMillan Education Ltd.
- Hall, S. (1982). The rediscovery of 'ideology': Return of the repressed in media studies. In T. B. Michael Gurevitch (Ed.), *Culture, society and the media* (pp. 56-90). London: Methuen.
- Hall, S. (1986). Media, power, and class power in bending reality. In James Curran et al. (ed.). London: Pluto Press.
- Hall, S., Held, D. and McGrew, T. (1992). *Modernity and its futures*. Cambridge: Polity Press.
- Hall, S. (1997). *Drifting into a law and order society*. London: Cobden Trust.
- Hall, S. (Ed.). (1997). *Representations: Cultural representations and signifying practices*. London: Sage.
- Hepburn, J.R. & Harwin, L.V. (1970). Patterns of criminal homicide in Chicago and Philadelphia. *Criminology*, 8, 21-45.
- Hilley, J. (2001). *Malaysia: Mahathirism, hegemony and the new opposition*. New York: Zed Books.

- Hocking, J. (n.d.). *Raves as moral panics*. Retrieved May 4, 2019, from <http://www.arasite.org/jessp2.html>
- Inners, M. (2003). Signal crimes: Detective work, mass media and constructing collective memory in Mason P. (Ed.). *Criminal visions: Media representations of crime and justice*. Cullompton: Willan Publishing.
- Ismail H. & Lim L. H. (2004, June). Crime as sensational news: A comparative study of The Star and Sin Chew Jit Poh. In *Journal of Han Chiang College*, 2, 70-86.
- Jewkes, Y. (2004). *Media and crime*. London: Sage Publications.
- Karl Marx (1976). *The German ideology*. UK: Progress Publishers.
- Karl Marx & Friedrich Engels. (1978). *The Marx-Engels reader* (2nd ed.), R. C. Tucker, Ed. WW Norton.
- Katz, J. (1987). What makes crime "news"? In R. V. Ericson (Ed.), *Crime and the media*. US: Dartmouth.
- Krippendorff, K. (1980). *Content analysis: An introduction to its methodology*. Beverly Hills: Sage Publication.
- "Kumpulan Utusan". Retrieved May 14, 2019, from <http://www.utusangroup.com.my/products/newspaper>
Kwang Wah Yit Poh, 15 Januari 2006.
- Lemert, E. M. (1972). *Human deviance, social problems, and social control* (2nd ed.). Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall.
- Liazos, A. (1972). The poverty of the sociology of deviance: Nuts, sluts, and preverts. *Social Problem*, 20, 103-120.
- Livingstone, S. (1996). On the continuing problem of media effect. In J. C. Gurevitch (Ed.), *Mass media and society* (pp. 305-324). New York: PPAPP.
- Lowry, D. T., Tarn Ching Josephine Nio & Leitner, D. W. (2003, March). Setting the public fear agenda: A longitudinal analysis of network TV crime reporting, public perceptions of crime, and FBI crime statistic. *Journal of Communication*, 61-73.
- Lye, J. (1997, October 18). *Ideology: A brief guide*. Retrieved April 19, 2019, from <http://www5.csudh.edu/dearhabermas/ideology06bk.htm>
- Manning, Peter K. & Cullum-Swan, B. (1994). Handbook of qualitative research. In N. K. Lincoln (Ed.), *Narrative, content and semantic analysis* (pp. 463-478). UK: Sage Publications.
- Marsh, H. (1991). A comparative analysis of crime coverage in newspapers in the United States and other countries from 1960-1989: A review of the literature. *Journal of Criminal Justice*, 19 (1), 67-80.
- Marsh, I. & Melville, G. (2011). Moral panics and the British media – A look at some contemporary 'folk devil'. *Internet Journal of Criminology*. Retrieved March 5, 2019, from https://www.academia.edu/2153760/Moral_Panics_and_the_British_Media_A_look_at_ome_contemporray_Folk_Devils_
- McCaghy, C.H. & Capron, T.A. (1994). Crime in the streets – against the person. In *Deviant behaviour: Crime, conflict, and interest groups* (3rd ed.) (pp.128-175). US: macmillan College Publishing Company, Inc.
- McLeod, D. M. (1995). Communicating deviance: The effects of television news coverage of social protest. *Journal of Broadcasting and Electronic Media*, 39 (1), 4-20.
- Meier, M. B., Clinard, & Robert F. (1995). Crimes as interpersonal violence. In M. B. Meier, *Sociology of deviance behaviour* (9th ed.) (pp. 145-177). New York: Harcourt Brace College Publishers.
- "Mengenai kami: About Utusan" (2019). Retrieved May 11, 2019, from <http://www.utusan.com.my/special/info/mengenai-kami-1.599>
- Merton, R. (1957). *Social theory and social structure* (Rev. ed.). Glencoe: Free Press.
- Miethe, T. D. & Robert, F. (1994). *Crime and its social context: Toward an integrated theory of*

- offenders, victims, and situations*. NY: State University of New York Press.
- Mohd. Safar Hashim (1996). *Akhbar dan kuasa: Perkembangan sistem akhbar di Malaysia sejak 1806*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Mustafa K. Anuar. (2000a). Malaysia-Country Report. In *Media & Democracy in Asia* (pp. 97-114). Singapore: AMIC.
- Mustafa K. Anuar. (2000b). Malaysian Media and democracy. *Media Asia*, 27 (4), 183-190, 199. Singapore: AMIC.
- Mustafa K. Anuar. (2004). An historical overview of media development in Malaysia. In P. Chandra, S.M. Yoon & P. Poobalan (Eds.), *Communicating the future: Proceedings from the national conference on The future of media in a knowledge society: Rights, responsibilities and risks*, March 24-25, 2003, Kuala Lumpur (pp. 34-46). Kuala Lumpur: Kinibooks.
- Mustafa K. Anuar. (2005). Politics and the media in Malaysia. In Kasarinlan (Ed.) (pp. 25-47). *Philippine Journal of Third World Studies*, 20 (1).
- Mustafa K. Anuar & Wang L.K. (1996). Aspects of ethnicity and gender in Malaysian television. In D. French & M. Richards (Eds.), *Contemporary television eastern perspective* (pp. 262-277). Delhi: Sage Publications.
- Mustafa K. Anuar & Shakila Manan (1994). Writing about “successful women”: A textual analysis of selected popular women’s magazines. In *Kajian Malaysia*, XII (1 & 2), Jun/Disember 1994.
- Naylor, B. (2001). Reporting violence in the British print media: gendered stories. *Howard Journal*, 40 (2), 180-194.
- Peyrot, M. (1984). *Cycles of social problem development: The case of drug abuse*. *Sociology Quarterly*, 25, 83-96.
- Pinker, S. (2007). The history of violence. Retrieved May 25, 2019, from [https://scholar.google.com.my/scholar?q=Pinker,+S.+\(2007\).+The+history+of+violence&hl=en&as_sdt=0&as_vis=1&oi=scholar](https://scholar.google.com.my/scholar?q=Pinker,+S.+(2007).+The+history+of+violence&hl=en&as_sdt=0&as_vis=1&oi=scholar)
- Press & PR Guide 2007*. Kuala Lumpur: Perception media.
- Prescott, J.W. (2002). *The origins of love and violence: An overview*. Retrieved March 14, 2019, from <http://www.whale.to/a/prescott1.html>
- Press & PR Guide 2009*. KL: Perception Media
- Randall, S. & Rose, V.M. (1984). Forcible rape. In R. F. Meier (ed.), *Major forms of crime* (pp. 47-72). Beverly Hills, Calif: Sage.
- Reber, B. H. (2000). Assessing cultivation theory and public health model for crime. *Newspaper Research Journal*, 21 (4), 99-113.
- Reiner, R. (2000a). *The politics of the police* (3rd ed.). Oxford: Oxford University Press.
- Reiner, R. (2000b). *Crime and the control in Britain*. *Sociology*, 34, 71-94.
- Reiner, R. (2002). Media made criminality: The representation of crime in the mass media. In R. M. Mike Maguire (Ed.), *The Oxford handbook of criminology* (3rd ed.) (pp. 376-406). UK:Oxford University Press.
- Richardson, J. E. (2006). *Analysing newspapers: An approach from Critical Discourse Analysis*. Basingstoke: Palgrave Macmillan.
- Roshier, B. (1973). The selection of crime news by the press. In S. Cohen and J. Young (eds.), *The manufacture of news* (pp. 40-50). London: Constable.
- Roshier, B. (1981), The selection of crime news by the press. In S. Cohen and J. Young (eds.), *The manufacture of news* (pp. 40-50). London: Constable.
- Roucek, J. S. (1969). *Sociology of crime*. New York: Philosophical Library.
- Sacco, V. F. (1995). Media constructions of crime. *The Annals of the American Academy of Political and Social Science*, 539, 141-154.
- Schur, E. M. (1971). *Labeling deviant behaviour*. New York: Harper and Row.

- Schlesinger, P. & Tumber, H. (Eds.) (1994). *Reporting crime: The media politics of criminal justice* (pp. 143-182). New York: University Press.
- Scott, J. & Marshall, G. (2005). *Dictionary of sociology*. New York: Oxford University Press.
- “Seeking a better judicial process for sexual crimes: Background paper for dialogue with Penang judiciary” (2007). Penang Women's Centre for Change (WCC).
- Seplow, S. (1994). Heavy TV viewing found to deepen fears. *Philadelphia Inquirer*, December 2, 1994.
- Shakila A. Manan (2005, January 13-15). Counting isn't enough: Contribution of critical discourse: Analysis to media research. In Kolokium Siswazah ke-2, Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia.
- Slattery, K. L. (1994). Sensationalism versus news of the moral life: Making the distinction. *Journal of Mass Media Ethics*, 9, 5-15.
- Slattery, K. L. (1994). Sensationalism versus public affairs content of local TV news: Pennsylvania. *Journal of Broadcasting & electronic Media*, 38 (2), 205-216.
- Smith, S. (1997). Crime in the news. *British Journal of Criminology*, 24 (3).
- Soothill, K. & Walby, S. (1991). *Sex crimes in the news*. London: Routledge.
- Spector, M. and Kitsuse, J.L. (1977). *Constructing social problems*. Menlo Park, CA: Cummings.
- Tavener, J. (2000). Media, morality, and madness: The case against sleaze TV. *Critical Studies in Media Communications*, 17, 63-85.
- The Star*, 3 Oktober 2007.
- Thompson, K. (1998). *Moral panics*. Routledge, London.
- Thornham, S. (2007). *Women, feminism and media*. Edinburgh: Edinburgh University Press. “Top ten crimes in 2004” (3-4 & 31 July 2005). *The Sun*.
- Tuchman, G. (1981). The symbolic annihilation of women by the mass media (pp. 169–185). In S. Cohen and J. Young (Eds.), *The manufacture of news: Social problems, deviance and the mass media*. California: Sage Publications.
- Van Dijk, T. (1998). Opinions and ideologies in the press. In A. Bell & P. Garrett (Eds.), *Approaches to media discourse* (pp. 21-63). UK: Blackwell Publisher.
- Van Zoonen, L. (1994). *Feminist media studies*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Van Zoonen, L. (1996). Feminist perspectives on the media. In J. Curran and M. Gurevitch (Eds.), *Mass media and society* (2nd ed.) (pp. 31-52). London: Arnold.
- Waddington, P. (1986). Mugging as a moral panic. *British Journal of Sociology*, 37 (2), 245-259.
- Walizer, M. H. & Wienir, P. L. (1978). *Research methods and analysis: Searching for relationships*. New York: Harper & Row.
- Wang, L. K. (2005). Ways of seeing Malaysian women: Sketches of women in magazines in the global age. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 23, 57-59.
- Watson, J. & Hill A. (2000). *Dictionary of media & communication studies* (5th ed.). New York: Arnold Publisher.
- Weiner, N. A. (1989). Violent criminal careers and “violent criminal careers”. An overview of the research literature. In N. A. Weiner and M. E. Wolfgang (Eds.). *Violent crime, violent criminals* (pp. 35-138). Newbury Park, Calif: Sage.
- Wiltenburg, J. (2004, December). True crime: The origins of modern sensationalism. *American Historical Review*, 1377-1404.
- Wimmer, R. D. & Dominick, J. R. (2006). *Mass media research: An introduction* (8th ed.). CA: Wadsworth.
- Wykes, M. (2001). Journalism, justice, gender and violence. In M. Wykes, *News, crime and culture* (pp. 138-163). London: Pluto Press.
- Yap, K. S. (1996). *The press in Malaysia and Singapore 1806-1996*. Kuala Lumpur: Han Chiang Academy of Journalism and Communication.

- Young, J. (1971). *The drug-takers: The social meaning of drug use*. London: Paladin.
- Young, L. & Fitzgerald, B. (2006). *The power of language: How discourse influences society*. UK: Equinox Publishing Ltd.
- Young, J. (2009). Moral panic: Its origins in resistance, resentment and the translation of fantasy into reality. *British Journal of Criminology*, 49, 4-16.
- Zaharom Nain & Wang, L. K. (2002). Ownership, control and the Malaysian media. In Pradip N. T. & Zaharom N. (Eds.), *Who owns the media? Global trends and local resistances*. (pp. 249-267). Penang: Southbound.
- Zaharom Nain & Mustafa K. Anuar. (1998). Ownership and the control of the Malaysian media. *Media Development*. 14, 4, 9-17
- Zaharom Nain dan Ramli M. (1989). Paluan ke atas media di Malaysia: Satu pertimbangan teori. *Kajian Malaysia* (pp. 127-142), VII, 1 & 2 Jun/Dis, 1989.

MAKLUMAT PENULIS

DR. LIM LAI HOON

Jabatan Komunikasi
Fakulti Komunikasi dan Industri Kreatif
Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman,
Kampus Cawangan Pulau Pinang,
77, Lorong Lembah Permai Tiga,
Tanjong Bungah, 11200 Pulau Pinang.
limlaihoon@tarc.edu.my